

10 JUN 2001

Mahathir-Pilihan raya

BANYAK PERKARA DALAM URUSAN DAFTAR PEMILIH PERLU DIKAJI SEMULA, KATA 20MAHATHIR

PETALING JAYA, 10 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata banyak perkara dalam urusan daftar pemilih perlu dikaji semula bagi menentukan pilihan raya dapat dijalankan secara adil.

Perdana Menteri berkata, ini termasuk kajian mengenai hak seseorang warganegara untuk mendaftar sebagai pengundi di sesuatu kawasan.

"Kita mendapati banyak cara-cara pengurusan daftar pemilih tidak begitu sempurna.

"Kita selalu dapati apabila pemilihan diadakan, ramai pengundi tidak dapat mengundi, ini berlaku di Lunas apabila ramai pengundi yang menyokong kerajaan tidak dapat mengundi," katanya kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang dekat sini sekembalinya dari lawatan empat hari ke Jepun.

Dr Mahathir ditanya mengenai keperluan mengkaji semula daftar pemilih berikutan keputusan Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu membatalkan keputusan pilihan raya Dewan Undangan Negeri Likas kerana terdapat "pengundi hantu" dalam daftar pemilih .

Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu pada 8 Jun lalu mengisytiharkan keputusan pilihan raya itu yang dimenangi Barisan Nasional (BN) pada 13 Mac 1999 sebagai tidak sah dan batal.

Keputusan itu dibuat setelah mendapati ada pengundi yang tidak wujud dalam daftar pemilih bagi kawasan berkenaan termasuk rakyat asing mengundi di situ.

Pada masa yang sama, mahkamah turut mengisytiharkan Daftar Pemilih 1998 yang digunakan bagi pilihan raya itu sebagai tidak sah kerana ada senarai nama pengundi yang tidak wujud di dalamnya.

Berikutan itu, pilihan raya kecil di kawasan itu akan diadakan memandangkan Akta Kesalahan-Kesalahan Pilihanraya tidak membenarkan rayuan dibuat.

Dr Mahathir yang juga pengerusi BN, berkata BN menerima keputusan mahkamah dan kini perlu membuat persediaan untuk menghadapi pilihan raya kecil.

Perdana Menteri berkata, dalam pilihan raya kecil DUN Lunas yang lepas ramai pengundi yang menyokong kerajaan mendapati nama mereka tiada dalam senarai pemilih di kawasan itu kerana kononnya mereka telah berpindah dan tidak tinggal di kawasan itu lagi.

"Pada masa yang sama, kita mendapati beribu-ribu orang dari Kelantan khususnya, yang tinggal di Kuala Lumpur, masih menjadi pengundi di Kelantan.

"Kenapa ini berlaku, kita tidak bagi tahu, mungkin tidak disengajakan," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau sendiri sudah lebih 25 tahun tinggal di Kuala Lumpur tetapi masih menjadi pengundi di Titi Gajah, Kedah, tetapi tidak ada sesiapa yang menyoal tentang perkara itu.

Mengenai dakwaan lebih 4,000 bantahan di kemukakan mengenai daftar pemilih di kawasan Likas yang dilaporkan tidak didengar oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR), Perdana Menteri berkata, dakwaan bahawa SPR tidak berbuat apa-apa adalah tidak wajar.

Dr Mahathir berkata pihak parti kerajaan sendiri pun banyak membuat bantahan kepada SPR dan suruhanjaya itu memberi jawapan walaupun sebahagian daripada jawapan yang diberikan itu sukar untuk diterima oleh parti kerajaan.

"Parti kerajaan sendiri berasa tidak berpuas hati dengan (sebahagian daripada) jawapan yang diberikan dan kita sedang membuat soalan-soalan berkenaan dengan penjelasan yang dibuat," katanya.

Ketika ditanya sama ada penyandang kerusi Dewan Undangan Negeri Likas Datuk Yong Teck Lee akan dicalonkan semula untuk mempertahankan kerusi BN itu, Dr Mahathir berkata, BN belum membuat keputusan.

Apabila ditanya bila beliau akan melantik bendahari agung Umno, yang dikosongkan oleh Tun Daim Zainuddin, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, ia akan dibuat secepat mungkin.

Jawatan itu kini dipangku oleh beliau sendiri.

-- BERNAMA

AFY AFY FAZ